

CNS3260

R GB 12-03 00154 BH278

bah

Mahathir - Ugutan

PELABUHAN KLANG, 12 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati para pekerja Pelabuhan Klang supaya mengemukakan tuntutan mereka berhubung penswastaaan pelabuhan itu hanya se' pas ia diswastakan.

+Bila dah diswastakan, syarikat (yang mengendalikan operasi pelabuhan itu) akan dapat kewangan yang banyak. Kenapa perlu gopoh sangat?+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan pelayaran ulung kapal minyak sawit MISC, +Bunga Siantan+ di sini.

Beliau diminta mengulas permintaan Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan Klang (PASU) supaya 4,000 pekerja di pelabuhan itu diberi bonus satu bulan gaji sebagai saguhati selepas pelabuhan itu diswastakan.

Katanya permintaan yang berbentuk ugutan akan hanya menjejaskan penswastaaan pelabuhan itu.

Perdana Menteri berkata, pihak kesatuan sekerja boleh meminta apa yang dikehendaki daripada syarikat yang bakal menguruskan pelabuhan itu setelah ia diswastakan, tetapi keputusan sama ada untuk memberi atau tidak, bergantung kepada syarikat itu. -- Lagi

012/03/16-36MST

CNS3262

R GB 12-03 00125 BH279

bah

Mahathir - Ugutan 2 Pelabuhan Klang

+Kalau mereka nak minta, boleh minta, tetapi terpulanglah kepada syarikat berkenaan nak memberinya atau tidak. Kalau cuma nak buat ugutan, susahlah,+ katanya.

Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) bagaimanapun menolak permintaan PASU itu, mengakibatkan kesatuan membatalkan rundingan dengan pengurusan LPK mengenai penswastaaan itu selama hampir sebulan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak kesatuan tidak perlu tergopoh-gapah dalam mengemukakan tuntutan mereka.

Katanya, pelabuhan itu akan diswastakan setelah beberapa masalah yang sedang dihadapi sekarang dapat diselesaikan sepenuhnya.

+Ini cuma masalah biasa, antaranya berkaitan dengan harga,+ katanya.

Dua hari lepas, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datin Paduka Zaleha Ismail mengumumkan bahawa penswastaaan Pelabuhan Klang telah ditunda kepada akhir tahun ini. -- Bernama

012/03/16-37MST